



SIDANG DEWAN RAKYAT

Laporan HUSSAINI AMRAN, FITRI AFFENDI

Penalti sehingga RM20,000, penjara maksimum 30 tahun

Hukuman lebih berat aniaya haiwan

KUALA LUMPUR 9 April - Hukuman dan denda lebih berat akan dikenakan terhadap mereka yang menganiaya serta mengabaikan haiwan di negara ini, selepas Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015 diwartakan pada tahun ini.

Rang undang-undang tersebut memperuntukkan peningkatan kadar penalti bagi kesalahan tersebut iaitu tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada 30 tahun atau kedua-duanya.

Ini kerana penalti sebelum ini yang hanya menyatakan tidak lebih RM50,000 sahaja di bawah perundangan sedia ada, dilihat tidak mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk mengatasi masalah kebajikan haiwan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, rang undang-undang tersebut yang dibaca buat kali pertama di Dewan Rakyat hari ini akan menambah baik Akta Binatang 1953 yang hanya merangkumi aspek kezaliman.

Katanya, akta tersebut tidak merangkumi pelbagai aspek kebajikan iaitu prinsip lima kebebasan iaitu bebas daripada lapar dan dahaga, bebas daripada kesakitan atau penyakit, bebas daripada rasa tidak selesa, bebas menunjukkan perlakuan normal dan bebas daripada tekanan.

Melalui rang undang-undang tersebut, jelas beliau, kerajaan boleh membuat peraturan yang lebih khusus dalam aspek kebajikan untuk mencegah berlakunya penganiayaan serta pengabaian aspek



Rang undang-undang ini memperkemarkan pentadbiran serta penguatkuasaan aspek kebajikan di dalam negara. Ini adalah melalui pewujudan Lembaga Kebajikan Haiwan iaitu ahlinya terdiri daripada beberapa agensi yang berkepentingan."

ISMAIL SABRI YAAKOB
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

kebajikan terhadap haiwan meliputi haiwan ternakan dan haiwan kesayangan, kecuali haiwan liar.

"Rang undang-undang ini memperkemarkan pentadbiran serta penguatkuasaan aspek kebajikan di dalam negara. Ini adalah melalui pewujudan Lembaga Kebajikan Haiwan iaitu ahlinya terdiri daripada beberapa agensi yang berkepentingan.

"Melalui lembaga ini, penyelarasan aktiviti berkaitan kebajikan haiwan dapat dilaksanakan bersama agensi-agensi terlibat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Rang undang-undang itu dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat hari ini dan bacaan kali kedua akan dibuat pada persidangan akan datang iaitu Mei ini.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, rang undang-undang itu adalah bagi menyelaraskan keperluan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) yang telah mengeluarkan garis panduan berkaitan kebajikan haiwan.

Selain itu, kata beliau, rang undang-undang itu adalah untuk menunjukkan komitmen menyeluruh Malaysia terhadap kebajikan haiwan di medan antarabangsa melalui perundangan khusus untuk kebajikan haiwan.

Katanya, ini selaras dengan sokongan negara terhadap Deklarasi Universal Berhubung Kebajikan Haiwan yang ditandatangani Kementerian pada 26 Ogos 2008.

"Oleh demikian, ini akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang akan diiktiraf oleh negara lain di dunia terutama dalam aspek kebajikan haiwan," katanya.